

Pindaan Akta Binatang 1953 diluluskan Parlimen

# Pemilik haiwan lebih bertanggung jawab

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

**ISU** penyembelihan haiwan ternakan yang ditimbulkan masyarakat antarabangsa baru-baru ini, menjadi antara cabaran utama bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menyuntik kesedaran masyarakat awam mengenai kepentingan kebajikan haiwan.

Sebagai permulaan, pindaan Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) telah diluluskan oleh Parlimen pada 20 Disember lalu dan akan diwartakan suku pertama tahun hadapan.


Dalam masa sama, Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan juga dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2013. Rang Undang-undang ini bertujuan mengelakkan penderaan haiwan berlaku secara berleluasa.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar), Datuk Dr. Mohamad Azmie Zakaria berkata, Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan ini secara tidak langsung dapat menyedarkan pemilik supaya lebih bertanggungjawab dan berperikemanusiaan terhadap haiwan milik mereka.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Penasihat Kebajikan Haiwan Malaysia (MAWAC) yang dipengerusikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar dan dianggotai wakil daripada pelbagai agensi dan stakeholder ditubuhkan bagi membincangkan dan menyelesaikan isu berkaitan kebajikan haiwan.

Menurutnya, komitmen Malaysia dalam menjaga kebajikan haiwan terbukti apabila menjadi tuan rumah Persidangan Kebajikan Haiwan Global OIE Kali Ketiga, November lalu. Lebih membanggakan, Malaysia merupakan negara pertama di rantau Asia Pasifik yang menjadi tuan rumah bagi persidangan yang menghimpunkan 375 peserta daripada lebih 80 buah negara Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE).

"Kita menjadi harapan dalam kalangan negara Islam untuk menjadi peneraju dalam isu berkaitan kebajikan haiwan ini dan menerangkan dengan jelas kepada penduduk global mengenai keperluan



NDH Omar ketika melancarkan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan selepas merasmikan Persidangan Kebajikan Haiwan Global OIE Kali Ketiga.

penyembelihan yang dituntut oleh Islam," ujarnya.

Pada persidangan tersebut, Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan (NAWSP) turut dilancarkan. Ia merangkumi pelan tindakan untuk tempoh lapan tahun bagi mengangakat nilai kebajikan haiwan setaraf dengan negara-negara maju lain.

Selain itu, Pusat Kecemerlangan Kebajikan Haiwan ditubuhkan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan OIE sebagai peneraju penyelidikan berteraskan kebajikan haiwan. Pusat Kecemerlangan ini bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dalam pelbagai aspek kebajikan haiwan merangkumi pemeliharaan, pengangkutan, penyembelihan, pembiakan dan pelupusan haiwan.

Beliau berkata, jabatan turut mengeluarkan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban supaya ibadah tersebut dapat dilaksanakan mengikut panduan ditetapkan seperti premis dan operasi penyembelihan, menjaga aspek

**Kita menjadi harapan dalam kalangan negara Islam untuk menjadi peneraju dalam isu berkaitan kebajikan haiwan ini dan menerangkan dengan jelas kepada penduduk global mengenai keperluan penyembelihan yang dituntut oleh Islam**

kebajikan haiwan dan pengurusan sisa ternakan.

Dalam pada itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terus memberi tumpuan sepenuhnya untuk memurahi penyakit ternakan bagi memastikan sektor tersebut berkembang pesat.

Menurutnya, usaha-usaha yang digerakkan pihaknya kini menampilkan hasil positif apabila Malaysia diiktiraf bebas seselama burung oleh OIE.

"Ini membolehkan sektor ternakan berjalan lancar dengan kos yang lebih murah tanpa menjejaskan rantaian bekalan makanan," katanya.

Hasil kejayaan itu, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Program Kerjasama Teknikal ASEAN-China pada tahun 2014 dalam bidang pengurusan seselama burung berdasarkan pengalaman negara menanganikan wabak tersebut secara efektif.

negara Eropah dan Timur Tengah.

"Buat masa ini, kita baru di peringkat projek perintis dengan memberi vaksin secara percuma kepada peternak berskala kecil di sekitar Linggi, Pagoh, Pontian, Jasin dan Kluang untuk menyuntik kesedaran mereka mengenai penyakit ND," katanya.

Beliau berkata, sektor penternaan ayam di negara ini menunjukkan perkembangan positif iaitu pengeluaran daging ayam telah meningkat daripada 657.87 ribu tan metrik pada tahun 2001 kepada 1,229 ribu tan metrik pada tahun 2011. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 91.68 peratus dalam tempoh 10 tahun.

Dalam perkembangan lain, bagi mengawal penyakit *Rabies* (anjing gila), Program Pengawalan Penyakit *Rabies* Kebangsaan dikuatkuasakan di bawah Akta Binatang 1953 yang mewajibkan pemilik mendapat lesen peliharaan anjing.

Beliau berkata, kawasan yang bersempadan dengan negara iaitu keseluruhan daerah di Perlis, Hulu Perak (Perak); Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat (Kelantan) dan Kubang Pasu, Sik, Baling, Padang Terap, Kota Setar, Pendang (Kedah) dikategorikan sebagai kawasan Linkungan Penampakan *Rabies*.

"Semua anjing di kawasan ini diwajibkan diberi pelarian *Rabies* dan dilesenkan di Pejabat Veterinar Daerah berkenaan. Bagi lain-lain kawasan, pelesenan anjing dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) atau Pihak Berkuasa Veterinar negeri," katanya.



MEMERANGI penyakit sampar ayam (ND) penting bagi memastikan industri tersebut terus berkembang pesat.

## Info JPV

### Akta Makanan Haiwan 2009

- Dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Mac 2013
- Memberi kuasa kepada Lembaga Makanan Haiwan (LMH) untuk menjalankan aktiviti kawal selia kualiti makanan haiwan

### Protokol import sarang burung walet ke China

- Ditandatangani di Nanning, China pada 19 September 2012
- Giat menyelaraskan keperluan pendaftaran loji pemrosesan sarang burung walet bagi memenuhi keperluan pengauditan oleh China National Certification and Accreditation Administration (CNCA)

### Majlis Ruminan Negara

- Memberi manfaat kepada 104,200 penternak di seluruh negara

### Ladang satelit

- Telah membangunkan 67 unit ladang satelit di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59 ladang satelit siap dibina manakala 35 ladang satelit telah mula beroperasi. Dianggarkan, 10,500 ekor lembu fidlot dapat diternak bagi satu pusingan di ladang-ladang yang beroperasi ini



MOHAMAD AZMIE ZAKARIA